

17 JUL 2002

MAHATHIR: M'SIA TAK SETUJU FORMULA AS TUKAR PIMPINAN PALESTIN

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan pentadbiran Amerika Syarikat supaya pertukaran pucuk pimpinan Palestin dilakukan dan menimbang rancangan untuk memberi peranan simbolik kepada Yasser Arafat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berpendapat bahawa pertukaran pucuk pimpinan perlu ditentukan oleh rakyat Palestin sendiri.

"Kalau kita terima sebuah negara lain atau kuasa besar menentukan siapa menjadi ketua dan apa kuasanya, ini bermakna bahawa tiada kebebasan di dunia ini," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan agensi berita berhubung kenyataan Setiausaha Negara Amerika Colin Powell bahawa pentadbiran Amerika bersedia menimbang rancangan supaya pemimpin Palestin itu dinaikkan jawatan presiden tanpa kuasa untuk membolehkan jawatan perdana menteri Palestin diwujudkan.

Powell turut dilaporkan mengulangi pendirian Amerika bahawa Yasser tidak mempunyai peranan lagi dalam rundingan damai akan datang.

Dr Mahathir juga melahirkan kekhawatirannya jika cadangan Amerika itu menjadi kenyataan di Palestin, ia akan berlaku di negara lain.

"Itu kita tidak bersetujulah," katanya.

-- BERNAMA

HS AZZ RON